

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**www.ijeipc.com**KECICIRAN PENDIDIKAN DALAM KALANGAN ANAK-ANAK
ASNAF: KAJIAN KES SEKOLAH RENDAH DI NEGERI PERLIS***EDUCATIONAL DROPOUTS AMONG ASNAF CHILDREN: A CASE STUDY OF
ELEMENTARY SCHOOLS IN PERLIS STATE*Nor Adli Che Muda¹, Ismail Said², Rashidi Hamzah³, Mohd Fadzil Mohd Salleh⁴¹ Jabatan Ilmu Pendidikan, IPG Kampus Perlis, Perlis, Malaysia

Email: noradli.kpm@gmail.com

² Jabatan Ilmu Sains Sosial, IPG Kampus Perlis, Perlis Malaysia

Email: isma1269@yahoo.com

³ Jabatan Ilmu Pendidikan, IPG Kampus Perlis, Perlis, Malaysia

Email: rashidi01-47@epembelajaran.edu.my

⁴ Jabatan Ilmu Pendidikan, IPG Kampus Perlis, Perlis, Malaysia

Email: fadzil01-31@epembelajaran.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 28.03.2023

Revised date: 19.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

To cite this document:

Che Muda, N. A., Said, I., Hamzah, R., & Salleh, M. F. M. (2023). Keciciran Pendidikan Dalam Kalangan Anak-Anak Asnaf: Kajian Kes Sekolah Rendah Di Negeri Perlis. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (50), 602-617.

DOI: 10.35631/IJEPC.850043**Abstrak:**

Pendidikan merupakan suatu yang sangat penting kepada setiap insan. Setiap orang kanak-kanak berhak untuk mendapat peluang belajar. Kerajaan Malaysia telah menekankan akses kepada pendidikan untuk semua dan telah mencadangkan pelbagai garis panduan dan matlamat pendidikan untuk merapatkan jurang pendidikan, pengeluaran dan kemahiran merentasi semua sektor sejak penubuhan Malaysia. Tindakan kerajaan adalah untuk memastikan semua kanak-kanak, tanpa mengira jantina, etnik, latar belakang sosio-ekonomi, atau lokasi, mendapat akses dan menamatkan pendidikan rendah. Masalah dalam pendidikan terutama masalah kecaciran dalam kalangan pelajar sering berlaku. Justeru itu kajian ini cuba melihat masalah kecaciran pendidikan dalam kalangan golongan asnaf miskin dan fakir. Penyelidikan berbentuk kajian kes digunakan dalam penyelidikan ini. Data diperolehi melalui temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen tertentu yang berkaitan. Data dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan beberapa sebab berlakunya kecaciran dalam kalangan pelajar daripada golongan asnaf miskin ini, antaranya ialah faktor keluarga, personaliti, faktor luaran dan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kesan ketara daripada permasalahan ini ialah ketiadaan peluang mereka menyambung pelajaran. Langkah memberi bantuan oleh agensi berkenaan seperti Baitulmal mampu membangun semua golongan ini.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Kata Kunci:**

Keciciran, Pendidikan, Asnaf, Sekolah, Rendah

Abstract:

Education is something very important to every person. Every child deserves an opportunity to learn. The Malaysian government has emphasized access to education for all and has proposed various educational guidelines and goals to bridge the gap in education, production and skills across all sectors since the establishment of Malaysia. Government action is to ensure that all children, regardless of gender, ethnicity, socio-economic background, or location, have access to and complete primary education. Problems in education, especially dropout problems among students often occur. Therefore, this study tries to look at the problem of dropping out of education among the poor and the poor. Case study research is used in this research. Data is obtained through interviews, observations and research of certain relevant documents. Data were analyzed descriptively. The findings of the study show several reasons for dropping out among students from the poor asnaf group, among them are family factors, personality, external factors and teaching and learning at school. A significant effect of this problem is the lack of opportunities for them to continue their studies. Measures to provide assistance by agencies such as Baitulmal are able to develop all these groups.

Keywords:

Dropout, Education, Asnaf, School, Primary

Pengenalan

Kerajaan Malaysia telah menekankan akses kepada pendidikan untuk semua dan telah mencadangkan pelbagai garis panduan dan matlamat pendidikan untuk merapatkan jurang pendidikan, pengeluaran dan kemahiran merentasi semua sektor sejak penubuhan Malaysia. Tindakan kerajaan adalah untuk memastikan semua kanak-kanak, tanpa mengira jantina, etnik, latar belakang sosio-ekonomi, atau lokasi, mendapat akses dan menamatkan pendidikan rendah (Zakari & lain-lain, 2022). Dari segi hak asasi, Malaysia meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) pada 17 Februari 1995 yang antara lain menggariskan mengenai hak pendidikan bagi kanak-kanak. Hak kanak-kanak dibahagikan kepada empat kategori, iaitu hak kepada kehidupan, perlindungan, perkembangan dan penyertaan. Dalam hal ini, ibu bapa dan penjagalah yang mempunyai kewajipan dan tanggungjawab untuk mempertahankan hak kanak-kanak, termasuk memberikan pendidikan kepada mereka (Abd Ghafar, 2021).

Akta Pendidikan 1996 telah dipinda dengan memasukkan satu seksyen baru, iaitu Seksyen 29A yang menetapkan kuasa Menteri untuk mewajibkan pendidikan rendah di negara ini. Seksyen 29A (2) juga menjelaskan bahawa setiap ibu bapa yang merupakan warganegara Malaysia hendaklah memastikan bahawa jika anaknya telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa anak itu didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah dalam tahun itu dan terus menjadi murid di sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan wajib (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Dari aspek perundangan pula, Perkara 12 Perlembagaan Malaysia menjelaskan bahawa setiap warganegara tidak boleh didiskriminasi dalam menerima pendidikan formal (Perlembagaan Malaysia, 2013).

Sejak 2012, kerajaan telah menerima pakai dasar pendidikan percuma, dengan menyasarkan kepada beberapa kumpulan secara amnya dikategorikan kepada tiga kategori pendapatan iaitu *Below 40* (B40), *Middle 40* (M40) dan *Top 20* (T20). Golongan sasaran yang dituju adalah daripada golongan B40 iaitu golongan pendapatan keluarga di bawah gaji bulanan minimum. Ini termasuk kanak-kanak daripada keluarga atau penempatan miskin bandar, luar bandar dan pinggir bandar, kanak-kanak yang tinggal di kawasan terpencil, kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas, kanak-kanak orang asli dan tidak berdokumen, kanak-kanak yang tinggal di ladang dan pelarian (Norfarahzatul Asikin Zakari, et.al. 2022).

Kementerian Pendidikan berusaha untuk merapatkan jurang pendidikan dalam kalangan rakyat negara ini. Usaha merapatkan jurang pendidikan telah berkembang pesat dan mencapai banyak kemajuan sejak Rancangan Malaysia Ke-3 hinggalah ke Rancangan Malaysia Ke-9. Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di bawah Teras Ke-4 Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) adalah untuk merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, tahap sosioekonomi dan tahap keupayaan murid. Matlamat KPM adalah untuk memastikan semua sekolah dan murid mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. KPM telah mengenal pasti jurang pendidikan yang perlu dirapatkan supaya akses, equiti dan kualiti dapat ditingkatkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009)

Namun begitu walaupun berbagai-bagai usaha dilakukan masih terdapat dalam kalangan murid-murid yang tercicir pendidikan mereka. Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Wajib) 2002 membuat tafsiran murid cicir sebagai “seseorang yang tidak mengikuti pendidikan wajib di sekolah atau murid yang tidak hadir di sekolah selama suatu tempoh yang melebihi tiga hari berturut-turut, tetapi tidak termasuk murid yang tidak hadir di sekolah kerana ponteng, masalah kesihatan atau telah dikecualikan oleh Menteri di bawah subseksyen 29A (3) daripada mengikuti pendidikan wajib.

Ramai dalam kalangan yang tercicir ini datangnya dari keluarga yang hidup dalam kemiskinan. Kemiskinan bukan lagi menjadi masalah baru yang melanda di negara kita. Dalam *International Encyclopedia of the Social Science* (1972), kemiskinan didefinisikan kepada tiga maksud iaitu kemiskinan sosial, fakir dan kemiskinan moral. Kemiskinan sosial bukan sahaja melibatkan ketidaksamaan ekonomi, iaitu dari segi pendapatan, taraf kehidupan dan sebagainya tetapi juga meliputi ketidaksamaan sosial yang juga berkaitan dengan pendidikan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa isu kemiskinan merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan berlakunya jurang pendidikan di negara kita. Walaupun kerajaan sentiasa mengambil inisiatif dalam membendung masalah ini, namun masalah ini masih membelenggu masyarakat kita pada hari ini. Mereka merupakan sebahagian asnaf iaitu golongan yang berhak menerima bantuan berbentuk zakat. Allah berfirman dalam surah at-Taubah ayat 60 : "Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana". Skop agihan zakat Baitulmal MAIPs adalah berdasarkan yang telah ditetapkan oleh syara'. Ia mempunyai 8 asnaf zakat.

Jadual 1: Lapan Asnaf Zakat


Asnaf	Tafsiran
Fakir	Seseorang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau pekerjaan atau menerima pendapatan dari sumber-sumber lain yang jumlahnya tidak sampai 50% daripada keperluan harian dan keperluan tanggungannya dan tidak sampai 50% daripada belanja hidup seseorang yang hidup sederhana dan orang-orang tanggungannya.
Miskin	Seseorang yang mempunyai pekerjaan atau hasil usaha yang hanya memenuhi sebahagian keperluan asasinya tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian dan juga menampung keperluan orang-orang tanggungannya.
Amil	Mereka yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat samada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk urusan pemungutan, agihan, urusan kewangan dan sebagainya.
Muallaf	Mereka yang memeluk Islam
Ar Riqab	Memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan samada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan.
Ar Gharimin	Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagikemaslahatan diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.
Fisabilliah	Mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.
Ibnu Sabil	Musafir yang kehabisan bekalan dalam perjalanan atau semasa memulakan perjalanan.

Sumber: Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis

Kerangka Konsep / Teori

Teori ini dikemukakan oleh Maslow pada tahun 1943 dalam kertas kerjanya A Theory of Human Motivation dalam jurnal *Scientific Psychological Review*. Maslow memperkenalkan teori piramid keperluan manusia yang terdiri daripada tahap asas keperluan dan matlamat bagi seseorang individu. Tahap paling bawah ialah tahap fisiologi iaitu keperluan kepada makanan, udara dan sebagainya. Tahap kedua ialah keperluan kepada keselamatan. Menurut beliau

keperluan yang paling atas hanya akan dipenuhi setelah keperluan paling bawah dipenuhi. Tahap ketiga ialah keperluan sosial iaitu keperluan kepada memberi dan menerima kasih sayang. Keperluan keempat ialah keperluan kepada penghargaan terhadap diri sendiri dan menerima penghargaan daripada orang lain. Jika keperluan ini dapat dipenuhi, seseorang akan lebih berkeyakinan. Tahap yang kelima ialah keperluan kepada hasrat diri iaitu kesempurnaan diri. Termasuk juga dalam keperluan ini ialah keperluan pencapaian intelek (pencapaian akademik) Keperluan ini ialah kebolehan menggunakan sepenuhnya potensi diri dan bakat (Maslow 1943). Ini menjelaskan keperluan manusia terbahagi kepada keperluan luaran (fizikal) dan keperluan dalaman (jiwa).



Rajah 1: Teori Maslow

Pendidikan merupakan suatu keperluan. Semua murid berhak mendapat keperluan ini. 'Pendidikan Untuk Semua' (*Education For All*) telah diperkenalkan UNESCO, yang bermatlamatkan bahawa sekolah adalah tempat dimana semua kanak-kanak tanpa mengira keupayaan dan ketidakupayaan mereka, jantina mereka, sosial, ekonomi, kebudayaan, latarbelakang etnik dan agama mereka, atau HIV dan taraf kesihatan mereka. Mereka mempunyai hak yang sama rata untuk mendapat kualiti pendidikan, penjagaan dan perlindungan. Untuk mencapai matlamat ini adalah penting untuk sekolah-sekolah, komuniti-komuniti, pusat kepercayaan dan organisasi bukan kerajaan yang lain, termasuk pihak berkuasa pendidikan dan kesihatan menyedari tanggungjawab perundangan dan mereka bertindak keatasnya. Usaha ke arah Pendidikan untuk Semua [EFA] seharusnya komprehensif dan holistic (UNESCO 2008). Atas prinsip inilah semua anak-anak harus mendapat pendidikan, tidak harus ada yang tercicir.

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti sebab-sebab berlakunya keciciran pelajar sekolah rendah di negeri Perlis dan meninjau kesan keciciran terhadap pelajar dan keluarga. Terdapat dua soalan kajian iaitu apakah sebab yang menyebabkan berlakunya keciciran pelajar sekolah rendah di negeri Perlis? dan adakah terdapat kesan keciciran ini kepada pelajar dan keluarga?

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif dengan data dikumpul melalui empat cara iaitu temu bual dengan pelajar yang tercicir, keluarga pelajar, pihak sekolah dan

juga pihak agensi pemberi bantuan seperti Baitulmal, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pendidikan Negeri. Patton (1980) menyatakan terdapat tiga jenis teknik temubual iaitu temubual formal, temu bual tidak formal dan temu bual terbuka. Fontana dan Frey (1994) Merriem (1998) juga menyatakan terdapat tiga jenis temubual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temubual tidak berstruktur. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan temu bual berstruktur. Ini kerana menurut Merriem (1998) penggunaan temu bual berstruktur bertujuan untuk mengumpulkan maklumat yang tepat seperti maklumat sosiodemografik, umur, pendapatan, taraf perkahwinan, tahap pendidikan dan sebagainya. Manakala temubual separa berstruktur bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan apa yang difikirkannya kepada penyelidik.

Kaedah pemerhatian terbahagi kepada dua iaitu pemerhatian secara terus (*Direct observation*) dan Pemerhatian melalui penglibatan (*Participant-observation*). Kaedah pemerhatian secara terus ini melibatkan pemerhatian secara langsung seperti pengiraan jumlah pelajar yang di sebuah sekolah. Teknik ini biasanya tidak melibatkan komunikasi dengan manusia. Kaedah pemerhatian melalui penglibatan pula berasal dari bidang antropologi (kajian tentang kehidupan masyarakat). Penyelidik biasanya melibatkan diri dengan masyarakat yang hendak dikajinya untuk memahami dengan jelas sesuatu isu yang berkaitan dengan masyarakat tersebut. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian secara terus dengan melihat keadaan kehidupan pelajar golongan asnaf di rumah dan pembelajarannya di sekolah.

Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada dan sukar untuk menipu. Dokumen seperti rekod kehadiran pelajar ke sekolah, rekod disiplin pelajar, pelaporan prestasi pelajar dan lain-lain dokumen yang berkaitan.

Satu set soal selidik menggunakan yang diuabhsuai dari Senarai Semak Masalah Mooney (Ross L. Mooney & Leonard V. Gordan, 1950) . Data ini dibina untuk mengenalpasti masalah-masalah yang sering dihadapi oleh para pelajar sekolah. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A latar belakang peserta kajian dan bahagian B berkaitan masalah-masalah keciciran. Soal selidik berasaskan skala Likert 5 .

Kajian dijalankan di empat buah sekolah di Perlis iaitu Sekolah Kebangsaan Simpang Ampat, Sekolah Kebangsaan Putra, Kangar, Sekolah Kebangsaan Seberang Ramai, Kuala Perlis dan Sekolah Kebangsaan Seri Perlis, Kangar, Perlis. Peserta kajian seramai enam puluh orang melibatkan pelajar lelaki dan perempuan. Peserta kajian yang dipilih adalah dalam kalangan mereka yang dimasukkan dalam kategori asnaf.

Data dianalisis dengan beberapa cara mengikut kaedah data itu dikumpulkan. Bagi data temu bual boleh juga dipindahkan dalam bentuk transkripsi Segala pandangan dan pendapat responden dalam bentuk lisan diterjemahkan kepada bentuk tulisan. Analisis perbualan dilakukan. Analisis perbualan merupakan sebuah disiplin akademik yang telah diperkenalkan oleh Harvey Sacks pada tahun 1960. Harvey percaya bahawa dalam mengkaji penggunaan bahasa, satu set teknik atau kaedah sebenar harus digunakan untuk mentafsir makna sebenar sesuatu kata atau ujaran. Ia berfokus kepada struktur, nada, dan ciri lain dalam interaksi verbal. Analisis perbualan ini sering melibatkan rakaman video atau audio yang kemudiannya akan dianalisis dengan mencatatkan bagaimana perbualan dimulakan, tempoh

berhenti atau jeda dan sebagainya. Menurut Burn (1995) analisis kandungan merupakan kaedah analisis yang sering digunakan dalam kajian kualitatif. Analisis kandungan digunakan untuk mengenalpasti isu, konsep dan makna.

Manakala data pemerhatian boleh dikutip dengan menggunakan senarai semak, nota lapangan dan borang catatan pemerhatian. Flanders (1976) telah mengemukakan senarai semak berkaitan interaksi guru-murid dalam bilik darjah. Beliau menggunakan senarai semak FIAC. Semasa pemerhatian ini, penyelidik akan mencatat beberapa perkara yang diperhatikan seperti masa dan tempat pemerhatian dijalankan, keadaan tempat pemerhatian, aktiviti yang dijalankan dan refleksi penyelidik (Mohd. Najib, 1999). Pemerhatian berstruktur dianalisis menggunakan frekuensi dan peratus melalui senarai semak yang disediakan. Selain itu, borang catatan pemerhatian juga boleh digunakan. Borang ini mencatat tingkah laku guru-pelajar mengikut sela masa yang ditetapkan (Chua, 2006). Dapatan data soal selidik di analisis menggunakan *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)* versi 26.0.

Sorotan Karya

Masalah keciciran bukanlah merupakan suatu fenomena baharu. Ia berlaku sejak sekian lama. Fenomena keciciran dalam pendidikan sudah dibincangkan secara serius sejak tahun 1960an lagi sehingga membawa kepada pembentangan Laporan Murad 1972. Menurut kajian, 40% pelajar sekolah di Malaysia mengalami keciciran. Manakala 35% pelajar sekolah yang berada di antara Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga, tercicir dalam persekolahan (Murad Mohd Noor, 1973). Kadar keciciran di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah di negara ini mencatatkan peningkatan tahun ini sejak bermulanya wabak Covid-19, kata Menteri Pendidikan, Radzi Jidin. Menteri Kanan Pendidikan Dato' Radzi Jidin juga dalam jawapan bertulis bagi menjawab soalan Tan Kok Wai (PH-Cheras) berkata, kadar keciciran di peringkat sekolah rendah meningkat daripada 0.12 peratus tahun lalu kepada 0.13 peratus tahun ini (Watan Daily, 13.9.2022). Kira-kira 10.83 peratus keciciran murid di peringkat sekolah rendah dan menengah yang mengikuti sistem persekolahan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dicatatkan dari tahun 2006 hingga 2010 (Mstar, 10.10.2011). Berdasarkan laporan dari *Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS)*, pada tahun 2012, kes keciciran pelajar sekolah adalah sebanyak lebih kurang 40,000 (Putra, 2021). Menurut Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk Dr. Mah Hang Soon, 34,074 pelajar berhenti sekolah pada tahun 2018 (Mohd Khalid, 2021).

Golongan asnaf fakir dan miskin seringkali dikaitkan dengan keciciran ini. Kemiskinan boleh dibahagikan kepada empat bentuk iaitu kemiskinan relatif, kemiskinan mutlak, kemiskinan struktural dan kemiskinan normatif. Kemiskinan relatif adalah berasaskan kriteria subjektif seperti merasa diri miskin atau tidak, atau merasakan orang lain mempunyai kekurangan atau ketiadaan keperluan seperti wang, pakaian dan kemudahan asas. Kemiskinan relatif biasanya diukur dengan membandingkan pendapatan dalam masyarakat iaitu membandingkan purata pendapatan dan bahagian pendapatan daripada pendapatan negara kasar (KNK) di antara berbagai-bagi kumpulan penduduk, seperti purata pendapatan mengikut etnik atau kawasan kediaman (bandar dengan luar bandar). Kemiskinan menurut Ravallion (1998) bermaksud individu yang tidak mempunyai cukup pendapatan dalam memenuhi kesejahteraan ekonominya ataupun dalam istilah ekonomi dikatakan mengalami kekurangan kebajikan ekonomi. Kemiskinan merujuk kepada suatu keadaan kekurangan yang dihadapi oleh manusia yang mana ia menyekat peluang untuk kehidupan yang lebih selesa (Ahmad & Amartya, 1997; Crowther, 2000). Keadaan kemiskinan ini menunjukkan bahawa kekurangan yang dihadapi

oleh seseorang individu khususnya dari aspek pendapatan dan harta benda menjadi punca kepada keadaan sukar mereka untuk terus melangsungkan kehidupan seharian dengan lebih selesa (Nor Azrul & Noordeyana, 2018). Kemiskinan sangat sukar untuk dihapuskan dan menjadi suatu isu yang biasa diberbagai negara dunia ketiga yang sedang membangun yang mempunyai pendapatan neagara yang rendah berbanding dengan negara dunia pertama dan kedua. Selain itu, kemiskinan juga merangkumi beberapa faktor yang menghalang untuk mendapatkan peluang yang lebih baik kepada status sosio-ekonomi seperti tempat tinggal, keperluan asas, pendidikan, makanan yang berkhasiat dan sebagainya (Siwar & Mohd Yusof Kasim, 1997).

Terdapat beberapa dimensi dalam kemiskinan iaitu dimensi ekonomi, sosio budaya, pendidikan, kesihatan, temporal, reruang, gender dan alam sekitar (Chamhuri Siwar, 2001). Namun ia bukan konsep kemiskinan yang menyeluruh yang boleh mencerminkan kemiskinan dari semua dimensi. Ini kerana penggunaan PGK sahaja tidak dapat menggambarkan sejauh mana masalah kemiskinan yang dialami oleh isi rumah (Ragayah Mat Zin, 2005; 2007). Definisi asnaf ini amat jelas. Allah berfirman dalam surah at-Taubah ayat 60 :

"Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".

Cuma dalam kajian ini difokuskan kepada asnaf fakir dan miskin. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) telah menjelaskan asnaf fakir ialah Seseorang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau pekerjaan atau menerima pendapatan dari sumber-sumber lain yang jumlahnya tidak sampai 50% daripada keperluan harian dan keperluan tanggungannya dan tidak sampai 50% daripada belanja hidup seseorang yang hidup sederhana dan orang-orang tanggungannya. Manakala miskin pula merujuk kepada Seseorang yang mempunyai pekerjaan atau hasil usaha yang hanya memenuhi sebahagian keperluan asasinya tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian dan juga menampung keperluan orang-orang tanggungannya. Nor Asmira Mat Jusoh, Zanirah Mustafa@Busu, Noraini Junoh, Norazmila Yusof, Ahmad Murshidi Mustapha (2022) juga membincangkan berkenaan pendidikan dalam kalangan golongan asnaf ini dalam satu artikel yang bertajuk Pendidikan Asnaf Fakir dan Miskin Melalui Sinergi Dana Zakat dalam Membasmi Keciciran.

Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan satu set soal selidik 5 skala Likert. Mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A: Demografi dan Bahagian B soal selidik berkenaan keciciran murid dalam kalangan anak-anak asnaf . Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0. Dapatan kajian dilaporkan dalam bentuk min, peratus dan sisihan piawai. Interpretasi skor min adalah berpanduan kajian Zuraida Ismail dan Azwan Ahmad.

Jadual 2: Interpretasi Dapatan Data Min

Skor Min	Interpretasi Min	Tahap
1.0-2.9	Tidak Setuju/ Sangat Tidak Setuju	Rendah
3.0-3.9	Agak Setuju	Sederhana
4.0-5.0	Setuju/ Sangat Setuju	Tinggi

Latar Belakang Responden

Peserta kajian terdiri daripada murid-murid sekolah rendah di empat buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Simpang Ampat, Sekolah Kebangsaan Seberang Ramai, Sekolah Kebangsaan Putra dan Sekolah Kebangsaan Seri Perlis.

Jadual 3: Frekuensi dan Peratus Peserta Kajian Mengikut Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus (%)
Lelaki	25	41.0
Perempuan	35	59.0
Jumlah	60	100.0

Jadual 3 menunjukkan frekuensi dan peratus peserta kajian mengikut jantina. Daripada jumlah 60 orang peserta kajian, 25 orang peserta kajian (41.0%) adalah murid lelaki manakala 35 orang peserta kajian (59.0%) adalah murid perempuan. Manakala Jadual 4 dibawah menunjukkan frekuensi dan peratus peserta kajian mengikut tahun/darjah. Daripada jumlah 60 orang peserta kajian, 20 (33 %) orang peserta kajian merupakan murid Tahun 4, 33% atau 20 orang peserta kajian dari Tahun 5 dan seramai 20 atau 33% orang peserta kajian adalah murid Tahun 6.

Jadual 4: Frekuensi dan Peratus Peserta Kajian Mengikut Kelas atau Tahun/Darjah

Tahun	Frekuensi	Peratus (%)
4	20	33
5	20	33
6	20	33
Jumlah	60	100

Dapatan kajian ini telah dianalisis dan dirumuskan merujuk kepada objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

Soalan 1: Apakah sebab yang menyebabkan berlakunya keciciran pelajar sekolah rendah di negeri Perlis?

Satu soal selidik menggunakan Mooney Problem Checklist yang dibangunkan oleh Ross L. Mooney & Leonad V. Gordon bagi mengenalpasti masalah-masalah yang sering dihadapi oleh para pelajar sekolah, pelajar kolej dan juga sesuai untuk golongan dewasa. Penyelidik telah membahagikan sebab-sebab keciciran ini kepada beberapa komponen, iaitu komponen faktor sosioekonomi keluarga, komponen faktor personaliti, komponen faktor luaran dan komponen faktor pengajaran dan pembelajaran. Faktor – faktor yang menyebabkan berlakunya keciciran pelajar sekolah rendah di Negeri Perlis dikategorikan kepada empat dimensi iaitu keluarga, personaliti, luaran dan pengajaran dan pembelajaran. Secara keseluruhan faktor keciciran murid sekolah rendah di negeri Perlis menunjukkan tahap yang sederhana dengan min 3.01 dan

SD 0.35 pada jadual 4. Untuk perincian bagi setiap faktor, diterangkan pada bahagian berikutnya.

Jadual 5: Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Keciciran Murid Sekolah Rendah Di Perlis

Faktor-Faktor Keciciran	Min	SD	Interpretasi Min
Keluarga	3.41	0.28	Sederhana
Personaliti	3.61	0.29	Sederhana
Luaran	2.30	0.30	Rendah
Pengajaran dan Pembelajaran	2.73	0.53	Rendah
Keseluruhan	3.01	0.35	Sederhana

Faktor keluarga

Jadual 5 menunjukkan peratusan dan kekerapan berdasarkan tindak balas responden terhadap faktor keluarga. Kesemuanya terdapat 6 item (1,2,3,4,5,6). Data menunjukkan responden mempunyai masalah keciciran daripada faktor keluarga yang sederhana. Secara perinci, seramai 60 orang responden (100.0%, min 4.78) berada pada tahap tinggi menanda setuju dan sangat setuju bagi item “ibu bapa sibuk bekerja”. Diikuti item ke-4, seramai 59 orang responden (98.3%, min 4.45) berada pada tahap tinggi menanda setuju dan sangat setuju pada item “duit saku tidak cukup” Seterusnya bagi item 1 dan 4 masing-masing berada di tahap sederhana dengan (75.0%,min 3.92) dan (8.3%, min 3.07). Bagi item 3 dan 6 pula berada ditahap rendah dengan (20.0%, 2.40) dan 8.3%, min 1.80) Secara keseluruhan, kajian mendapati faktor keciciran murid sekolah rendah bagi dimensi keluarga berada pada tahap sederhana dengan min 3.41.

Jadual 6: Faktor Keciciran Dari Dimensi Keluarga

Bil.	Item	STS + TS	AS	S + SS	Min	Tahap Min
1	Keluarga tidak mementingkan pelajaran	2 3.3%	13 21.7%	45 75.0%	3.92	Sederhana
2	Ibu bapa sibuk	- 0%	- 0%	60 100%	4.78	Tinggi
3	Ibu bapa galak anak bekerja	38 63.4%	10 16.7%	12 20.0%	2.40	Rendah
4	Ibu bapa tidak mampu sekolahkan anak	6 10.0%	49 81.7%	5 8.3%	3.07	Sederhana
5	Duit saku tidak cukup	- 0%	1 1.7%	59 98.3%	4.45	Tinggi
6	Ibu bapa tidak kerja sebab sakit	50 83.4%	5 8.3%	5 8.3%	1.80	Rendah
	Keluarga				3.41	Sederhana

Data diatas disokong dengan data temu bual. Hasil daripada temu bual penyelidik juga mendapati kesemua responden menganggap masalah keluarga mereka menyebabkan keciciran di sekolah. Dapatan kajian juga mendapati ibu bapa yang kurang komited tentang pelajaran anak-anak boleh membawa kepada keciciran sekolah. Kesibukan kedua-dua orang ibu bapa bekerja lebih masa atau membuat kerja tambahan untuk mencari nafkah hidup yang secukupnya bagi menampung perbelanjaan keluarga. Ini dinyatakan dalam sesi temubual. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa kesuntukan masa untuk memantau perkembangan pelajaran anak-anak kerana kebanyakan masa diperuntukkan untuk mencari pendapatan tambahan bagi menampung keluarga (Heng Gi Wa (2000). Banyak kajian kekeluargaan menunjukkan kepentingan menyediakan ikatan yang kukuh dan jalinan emosi antara anak dan ibu bapa mempunyai kesan lebih besar kepada pembelajaran serta perkembangan mental si anak (Marini Kasim & Nor Shafrin Ahmad, 2019).

Ibu bapa saya berpisah (PK3)

Ayah saya sudah meninggal dunia. Saya tinggal bersama ibu dan ayah baru serta abang (PK2)

Saya tidak dibekalkan dengan duit belanja yang cukup (PK3)

Ibu bapa atau penjaga bangun lewat. Jadi kami tidak ke sekolah (PK1,PK2,PK3,PK5)

Ibu bapa kurang memberi perhatian kepada pelajaran kerana sibuk kerja (PK2. PK4,PK5)

Faktor Personaliti

Personaliti pelajar memiliki peranan penting dalam pengalaman belajar individu. Memahami dan menghormati perbezaan dalam personaliti pelajar dapat membantu meningkatkan prestasi setiap pelajar dapat berkembang secara penuh potensinya. Gage dan Berliner (1984) pula menyatakan personaliti adalah segala aspek tingkah laku manusia kerana ia merupakan motif,sikap,pendapat ,kepercayaan ,pemikiran kognitif,emosi dan ciri-ciri seorang. Menurut Menninger(1930) personaliti ialah apa-apa yang sebenarnya yang menghuraikan tentang seseorang . Definisi ini mengandaikan tentang keadaan biologi dan fisiologi seseorang dan ia juga dianggap sebagai terlalu ringkas, satu definisi yang boleh dikatakan lebih menyeluruh telah diberikan oleh Waren & Carmichael (1930). Menurut mereka personaliti ialah organisasi dinamik dalam diri individu yang terdiri daripada sistem psikologikal dan fizikal yang menentukan penyesuaiannya kepada persekitarannya.

Faktor diri sendiri juga merupakan isu atau tema yang boleh pengkaji simpulkan daripada temubual yang dijalankan. Sikap, minat, dan aspek motivasi siswa sangat erat kaitannya dengan prestasi belajar seseorang. Menurut Jerie dan Zamri (2011), sikap adalah bersifat abstrak dan hanya dapat dilihat dan dirasakan melalui tindakan yang dilakukan.

Jadual 7: Faktor Keciciran Dari Dimensi Personaliti

Bil.	Item	STS + TS	AS	S + SS	Min	Tahap Min
7	Rasa tidak selamat disekolah	13 21.7%	24 40.0%	23 38.3%	3.17	Sederhana
8	Tiada keyakinan diri	-	2	58	4.12	Tinggi

		0%	3.3%	96.7%		
9	Rasa terasing/tersisih.	2	12	46	3.75	Sederhana
		3.3%	20.0%	76.7%		
10	Dipersenda rakan sebaya	2	31	27	3.55	Sederhana
		3.3%	51.7%	45.0%		
		-				
11	Tiada motivasi ke sekolah	0%	2	58	4.48	Tinggi
			3.3%	96.7%		
12	Rasa tertekan berada di sekolah	31	14	15	3.75	Sederhana
		51.7%	23.3%	25.0%		
Personaliti					3.61	Sederhana

Jadual 7 menunjukkan taburan peratusan dan kekerapan berdasarkan tindak balas responden terhadap faktor keciciran dari dimensi personaliti. Kesemuanya terdapat 6 item (7,8,9,10,11,12) dalam kajian ini responden mempunyai isu terhadap faktor keciciran dari dimensi personaliti. Secara perinci menunjukkan item 8 seramai 58 responden 96.7% dengan min 4.12 yang berada pada tahap tinggi menandakan setuju dan sangat setuju terhadap tiada keyakinan diri. Kemudian diikuti item ke-11 didapati seramai 58 responden 96.7% dengan min 4.48 pada tahap tinggi menanda setuju dan sangat setuju dalam tiada motivasi ke sekolah. . Seterusnya bagi item 7 iaitu rasa tidak selamat di sekolah pula seramai 23 responden 38.3% dengan min 3.17 berada pada tahap sederhana . Begitu juga dengan item 9 dan 12 yang berada di tahap sederhana dengan min 3.75. Manakala item 10 iaitu dipersenda oleh raka sebaya juga berada di tahap sederhana dengan min 3.55. Secara keseluruhan, kajian mendapati faktor keciciran murid sekolah rendah bagi dimensi personaliti berada pada tahap sederhana dengan min 3.61.

Data dia atas disokong dengan data temu bual terhadap beberapa Peserta Kajian.

Saya selalu tidur lewat sebab main game

(PK2, PK4)

Bangun lewat kerana ibu tidak kejut

(PK2, PK4)

Tak datang sekolah sebab buat-buat sakit

(PK4 , PK5)

Kadang-kadang rasa bosan dok di sekolah

(PK1. PK3, PK5)

Faktor Luaran

Jadual 8: Faktor Keciciran Dari Dimensi Luaran

Bil.	Item	STS + TS	AS	S + SS	Min	Tahap Min
13	Sukar ke sekolah	13	22	25	3.30	Sederhana
		21.7	36.7%	41.6%		
14	Rumah jauh dari sekolah	9	23	28	3.33	Sederhana
		15.0%	38.3%	46.7%		
15	Tiada dokumen persekolahan	52	6	2	1.48	Rendah
		86.7%	10.0%	3.3%		

16	Rakan sebaya ajak tidak bersekolah	10 16.7%	31 51.6%	19 31.7%	3.15	Sederhana
17	Cacat dan tiada kemudahan pembelajaran	43 88.4%	5 8.3%	2 3.3%	1.42	Rendah
18	Ada sakit kronik	52 86.7%	- 0%	8 13.3%	1.60	Rendah
19	Sudah bekerja	51 84.0%	1 1.7%	8 13.3%	1.63	Rendah
20	Kesan Covid 19	37 61.6%	7 11.7%	16 26.7%	2.37	Rendah
	luaran				2.30	Rendah

Jadual 8 menunjukkan taburan peratusan dan kekerapan berdasarkan tindak balas responden terhadap terhadap faktor keciciran dari dimensi luaran. Kesemuanya terdapat 8 item (13,14,15,16,17,18,19 dan 20) dalam kajian ini responden mempunyai isu yang kecil dalam faktor keciciran dimensi luaran. Secara perinci menunjukkan item ke-13 seramai 25 responden 41.6% dengan min 3.30 yang berada pada tahap sederhana menanda setuju dan sangat setuju terhadap sukar ke sekolah. Kemudian diikuti item ke-14 didapati seramai 28 responden 46.7% dengan min 3.33 pada tahap sederhana menanda setuju dan sangat setuju dalam rumah jauh dari sekolah. Kedua-dua item ini ada kesinabungan dalam membincangkan faktor keciciran dari dimensi luaran ini. Seterusnya bagi item ke-16 iaitu rakan sebaya ajak tidak ke sekolah pula seramai 19 responden 31.7% dengan min 3.15 berada pada tahap sederhana. Manakala item 15,17,18,19 dan 20 masing-masing berada pada tahap rendah yang tidak merupakan isu besar yang menyumbang kepada masalah keciciran murid sekolah rendah di Perlis. Secara keseluruhan, kajian mendapati faktor keciciran murid sekolah rendah bagi dimensi luaran berada pada tahap rendah dengan min 2.30

Faktor Pengajaran dan Pembelajaran

Jadual 9 di bawah menunjukkan taburan peratusan dan kekerapan berdasarkan tindak balas responden terhadap terhadap faktor keciciran dari dimensi pengajaran dan pembelajaran. Kesemuanya terdapat 5 item (21,22,23,24 dan 25) dalam kajian ini responden mempunyai isu yang kecil dalam faktor keciciran dimensi pengajaran dan pembelajaran. Secara perinci menunjukkan item 21 seramai 25 responden 41.7% dengan min 3.28 yang berada pada tahap sederhana menanda setuju dan sangat setuju terhadap tidak minat terhadap mata pelajaran. Kemudian diikuti item ke-22 didapati seramai 33 responden 55.5% dengan min 3.55 pada tahap sederhana menanda setuju dan sangat setuju dalam guru tidak beri perhatian. Seterusnya bagi item 22 iaitu penyampaian guru yang membosankan pula seramai 6 responden 10.0% dengan min 2.48 berada pada tahap rendah. begitu juga dengan item ke-25 iaitu aktiviti pdp yang membosankan berada pada tahap rendah dengan 17 responden 28.3% dengan min 2.60 Ini menunjukan bahawa isu guru mengajar tidak menarik bukan merupakan sebab kepada masalah keciciran murid sekolah rendah di Perlis. Seterusnya item 24 iaitu tiada buke teks/rujukan dengan 8 responden 13.4% dan min 1.77 berada di tahap rendah. Oleh itu, kajian mendapati faktor keciciran murid sekolah rendah bagi dimensi pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap rendah dengan min 2.73.

Jadual 9: Faktor Kecirian Dari Dimensi Pengajaran Dan Pembelajaran

Bil.	Item	STS + TS	AS	S + SS	Min	Tahap Min
21	Tidak minat terhadap mata pelajaran	6 10.0%	29 48.3%	25 41.7%	3.28	Sederhana
22	Penyampaian guru yang membosankan	30 50.0%	24 40.0%	6 10.0%	2.48	Rendah
23	Guru tidak beri perhatian	- 0%	27 45.5%	33 55.5%	3.55	Sederhana
24	Tiada buku teks/rujukan	50 83.3%	2 3.3%	8 13.4%	1.77	Rendah
25	Aktiviti pdp yang membosankan	32 53.4%	11 18.3%	17 28.3%	2.60	Rendah
Pengajaran dan Pembelajaran					2.73	Rendah

Beberapa temu bual yang dilakukan dengan peserta kajian mendapati peserta kajian menunjukkan bahawa mereka sedar bahawa tidak hadir ke sekolah akan menyebabkan mereka tercicir dalam pelajaran. Ini jelas dinyatakan oleh PK2, PK3 dan PK4.

Saya banyak tertinggal dalam mata pelajaran (PK2, PK3, PK5)

Saya tak dapat ilmu (PK3, PK5, PK1)

Tidak dapat ikut aktiviti atau program yang dilaksanakan oleh sekolah (PK1, PK2)

Dapatan ini disokong oleh kajian Norfarahzatul Asikin Zakar (2022) yang menyatakan bahawa ketidak hadiran akan menyebabkan tercicir daripada pelajaran serta mengurangkan minat untuk belajar. Juga pelajar akan kurang berminat untuk melanjutkan pelajaran.

Kesimpulan dan cadangan

Dapatan kajian ini memenuhi objektif yang dinyatakan iaitu melihat sebab berlakunya keciciran pendidikan dalam kalangan anak-anak asnaf terutamanya anak-anak dalam kalangan keluarga miskin. Sebab-sebab yang dikenalpasti mendorong pelajar ini tericir. Dapatan kajian ini dan cadangan yang dikemukakan diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang berkepentingan untuk mengambil tindakan mengatasi masalah keciciran ini terutamanya dalam kalangan anak-anak asnaf miskin ini.

Hasil daripada temu bual dengan peserta kajian dalam kalangan guru, beberapa cadangan telah dikemukakan untuk mengurangkan masalah keciciran dalam kalangan anak-anak asnaf ini.

“pihak sekolah telah mencadangkan murid-murid kalangan anak-anak asnaf ini duduk di asrama sekolah. Sekolah ini mempunyai kemudahan dua blok asrama yang mampu menampung murid-murid asnaf ini. Namun begitu masih belum dipenuhi”

“murid yang menerima bantuan perlu tinggal di asrama sebagai syarat untuk dapat bantuan daripada MAIPs”

Peserta Kajian Satu (PK1): (TB.PK1/21112022: 1011am)

Pihak sekolah juga mencadangkan sesetengahnya telah diambil tindakan iaitu mengunjungi keluarga yang dikategorikan cicir ini. Lawatan pihak sekolah berjumpa kekeluarga yang terbabit diharapkan dapat mengetahui keadaan sebenarnya murid yang cicir ini. Malah kesempatan ini membolehkan pihak sekolah menerangkan dan memberi nasihat kepada keluarga terbabit kepentingan hadir ke sekolah.

Pihak sekolah juga umpamanya pihak Sekolah Seberang Ramai dan Sekolah Simpang Ampat menganjurkan beberapa program untuk menarik murid ini ke sekolah antaranya ialah program lawatan ke luar. Ramai murid berminat mengikut lawatan ini termasuk murid yang cicir. Dengan penganjuran program sebegini, diharapkan murid tertarik untuk datang ke sekolah.

Dipihak ibu bapa atau penjaga anak-anak ini pula dirasakan kesedaran perlu diberikan kepada mereka akan pentingnya kehadiran anak-anak mereka ke sekolah. Perjumpaan antara pihak sekolah dan waris perlukerap diadakan. Melalui perjumpaan ini maklumat-maklumat penting berkaitan pelajaran anak-anak mereka boleh disampaikan oleh pihak sekolah. Dengan kerjasama pihak berkepentingan seperti Baitulmal Perlis boleh menyusun dan menganjurkan kursus-kursus atau bengkel bersama ibu bapa atau penjaga dan anak-anak pelajar ini akan pentingnya kehadiran ke sekolah dan masa depan mereka untuk keluar draipada kepompong kemiskinan.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh geran daripada Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE), Perlis, Malaysia. (Geran Jangka Pendek STG-015).

Rujukan

- Abidah Abdul Ghafar. (2021). Hak kanak-kanak dapat pendidikan formal di sekolah. Berita Harian 5 April 2021.
- Burn, R. B. (1995). *"Introduction to Research Methods."* Longman
- Ghandi Mathi A/P S Dharmalingam & R. Sivaperagasam P. Rajanthiran (2019). Implikasi Status Sosioekonomi Keluarga Dan Persekitaraan Terhadap Keciciran Murid India: Kajian Kes Di Puchong. *International Journal Of Education, Psychology And Counseling*. Volume: 4 Issues: 33 [December, 2019] Pp.284-297
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2009). *Pendidikan untuk semua: 19 bantuan persekolahan*. Bahagian Kewangan, KPM.
- Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. (2018). *Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2018*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia. (2002). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/2002 : Pelaksanaan Pendidikan Wajib Di Peringkat Rendah 2003*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lebih RM22 Juta Diperuntukkan Untuk Golongan Asnaf Di Perlis. *Berita RTM*. January 1, 2022
- Mahyuddin Abu Bakar (2012) Hubungan Antara Agihan Zakat Dan Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin. *Doktor Falsafah Universiti Utara Malaysia*.
- Merriem, S. B. (1998). *"Qualitative Research and Case Study Applications in Education."* (2 nd ed.). Jossey-Bass.

- Muhammad Firdaus Suhaimi, Abdul Ghafar Don & Anuar Puteh. Program Latihan Dalam Membangunkan Asnaf Di Selangor. *Azka International Journal Of Zakat & Social Finance*. Vol.2.No.2
- Nor Asmira Mat Jusoh, Zanirah Mustafa@Busu, Noraini Junoh, Norazmila Yusof, Ahmad Murshidi Mustapha. Pendidikan Asnaf Fakir Dan Miskin Melalui Sinergi Dana Zakat Dalam Membasmi Keciciran. *Proceedings Science, Ethics & Civilization*; Vol.1.2022; 72-76
- Norfariza Mohd Radzi & Nur Aliza Ahmad. Peranan Zakat Dalam Meningkatkan Ekuiti Dalam Pendidikan Anak-Anak Miskin Bandar Di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Julai 2017.Bil 4.Isu.3
- Norfarahzatul Asikin Zakari , Mohamad Zuber Abd. Majid & Muhammad Hussin (2022). Keciciran Murid Sekolah di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (e-ISSN : 2504-8562) 2022, Volume 7, Issue 2, e001288
- Patton, M.Q. (1990). “ *Qualitative Evaluation and Research Methods*.”.Sage Publications.
- Penyata Rasmi Parlimen. (2022).*Parlimen Keempat Belas Penggal Kelima Mesyuarat Pertama. isu Keciciran Dan Kegagalan Menguasai Pembelajaran Murid Orang Asli*, Pulau Indah, Klang. Parlimen.
- Rohaniza Idris. Keciciran Murid Lebih Rendah Ketika Pandemik – KPM. *Berita Harian*. Disember 6, 2021.
- Sofea Susan Albert Kassim. 10.83 Peratus Murid Sekolah Rendah, Menengah Tercicir. *Mstar* 10 Oktober 2011
- Zakaria Othman, Ridzuan Ahmad & Mohd Norhaizzat Naim Mohd Mazlan. Sekolah Zakat: Mekanisme Membangunkan Asnaf Fakir Dan Miskin Menerusi Pendidikan Di Negeri Kedah. *International Journal Of Zakat And Islamic Philanthropy*. Vol.1.Issues 1.March 2019.
- Zakiyah Jamaluddin. Kemiskinan Dan Keciciran Dalam Pendidikan.*Jurnal Kebajikan Masyarakat*.Vol 37 Jun 2011.